MEMO

PERKARA : PINJAMAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN) SEMESTER NOVEMBER 2026

DARIPADA : JABATAN BANTUAN KEWANGAN PELAJAR

KEPADA : SISWA/SISWI UNIVERSITI SELANGOR

RUJUKAN : UNISEL/HEP26/303D-SA/BKP (16) **TARIKH : 30 OKTOBER, 2026**

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacitanya dimaklumkan bahawa permohonan baharu bagi pinjaman PTPTN secara dalam talian (online) akan mula dibuka mengikut ketetapan seperti di dalam Jadual 1.0 berikut:

Jadual 1.0 : Permohonan PTPTN Semester November 2026	
Permohonan Kelompok 1	Tarikh : mulai 1 November, 2026 sehingga 30 November, 2026

Pelajar kemasukan Semester November 2026, adalah disarankan untuk membuat permohonan pinjaman PTPTN Kelompok 1 seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.0. Dimaklumkan juga, pelajar masih berpeluang untuk membuat permohonan pada kelompok kedua yang akan bermula pada 1 Disember, 2026 sehingga 31 Disember, 2026.

Pelajar yang berbaki satu tahun tempoh pengajian, berdasarkan surat tawaran kemasukan ke UNISEL masih layak membuat permohonan pinjaman PTPTN. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Jabatan Bantuan Kewangan Pelajar(BKP UNISEL) mengikut kampus ditalian seperti berikut: UNISEL Kampus Shah 03-5522 3478/3479 atau UNISEL Kampus Bestari Jaya 03-3280 5027/5026. Talian Careline PTPTN: 03-21933000.

Saluran pengkreditan kewangan dari PTPTN untuk pembayaran yuran pengajian pelajar melalui pihak universiti dijadualkan pada pertengahan atau akhir bulan berikutnya (15/30 hari bulan) selepas pihak PTPTN menerima pengesahan penerimaan tawaran pinjaman PTPTN dari pelajar.

Pelajar semasa (senior): Dimaklumkan bahawa pengkreditan PTPTN pelajar yang masih dalam tempoh tajaan dan memenuhi syarat yang ditetapkan PTPTN akan dikreditkan pada 24 Disember, 2026 berdasarkan gred keputusan (png/gpa 2.00 ke atas) bagi peperiksaan Semester Ogos 2026.

Perhatian dan kerjasama pelajar berhubung memo untuk tindakan selanjutnya bagi perihal ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dimaklumkan.

Memo ini adalah cetakan komputer dan tandatangan tidak diperlukan

unisel UNIVERSITI SELANGOR

Milik Penuh Kerajaan Negeri Selangor

PANDUAN RINGKAS
PERMOHONAN PINJAMAN PTPTN SECARA DALAM TALIAN

1 LANGKAH 1

Pemohon perlu mempunyai:

1. BANK ISLAM

Akaun Simpanan Individu Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)

- Sekiranya belum mencapai usia 18 tahun, perlu ke bank bersama ibubapa untuk pembukaan akaun BIMB.

2. SSPN
SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL

Akaun SSPN PTPTN

- Minimum RM20 (SSPN Prime).

2 LANGKAH 2

Pemohon muat turun dan aktifkan aplikasi menggunakan telefon bimbit sendiri:

1 myPTPTN

- Daftar dan lengkapkan pengesahan eKYC.

2 MyDigital ID

- Daftar dan lengkapkan pengesahan identiti/ biometrik.

3 LANGKAH 3

1. Semak jadual permohonan PTPTN.
2. Beli no. PIN PTPTN (RM5.00) melalui aplikasi myPTPTN.

PIN PTPTN RM5.00

myPTPTN

4 LANGKAH 4

Permohonan dalam talian di https://myptptn.ptptn.gov.my

1. Cari IPT: **UNIVERSITI SELANGOR** atau **UNIVERSITI SELANGOR KAMPUS BESTARI JAYA.**
2. Cari IPT: **PROGRAM PENGAJIAN.**
3. Masukkan nombor akaun **BIMB.**
4. Masukkan nombor akaun **SSPN.**

NOTA:
Permohonan perlu dibuat melalui website version myptptn dan disarankan menggunakan komputer.

5 LANGKAH 5

Pilihan pengajian:

Tarikh mula pengajian:

- Semester April 1/5
- Semester Ogos 1/9
- Semester November 1/12

PENTING!
Tarikh mula mestilah mengikut semester kemasukan yang dinyatakan dalam Surat Tawaran Rasmi UNISEL.

1. Lengkapkan semua maklumat yang diperlukan.
2. Muat naik Surat Tawaran Pengajian Rasmi UNISEL.

6 LANGKAH 6

Status permohonan **DALAM PROSES**

Sila semak keputusan permohonan selepas 5 hari bekerja dari tarikh tutup permohonan melalui emel / aplikasi myPTPTN.

NOTA:
Rujuk memo di portal pelajar untuk ketahui cara membuat pengesahan kelulusan dan penghantaran dokumen pinjaman PTPTN secara dalam talian.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

Careline : 03-2193 3000

e-Aduan : https://eaduan.ptptn.gov.my/

Jabatan Bantuan Kewangan Pelajar (BKP UNISEL)

Kampus Shah Alam : 03-55223475 / 3479

Kampus Bestari Jaya : 03-32805027 / 5026

RINGKASAN PERMOHONAN
PINJAMAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL

Panduan Permohonan Pinjaman PTPTN Secara Dalam Talian. Berikut adalah ringkasan dari panduan tersebut untuk rujukan pelajar:

- ✓ *Pelajar buka akaun: Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)*
- ✓ *Pelajar buka akaun: SSPN Prime PTPTN*
- ✓ *Pelajar (telefon bimbit): muat turun dan aktifkan applikasi myPTPTN*
- ✓ *Pelajar (telefon bimbit): muat turun dan aktifkan applikasi MyDigital ID*

PERMOHONAN

1. Pemohon (pelajar) perlu perlu **muat turun applikasi myPTPTN** di dalam peranti (telefon pintar) diri sendiri, **daftar dan aktifkan applikasi** tersebut (ambil gambar depan, belakang kad pengenalan dan gambar swafoto). Log masuk applikasi myPTPTN untuk sempurnakan **pengesahan eKYC**.
2. Pemohon (pelajar) perlu **muat turun applikasi MyDigital ID** di dalam peranti (telefon pintar) diri sendiri, masukkan e-mel, masukkan nombor OTP, masukkan butiran diri, ambil gambar MyKad (hadapan dan belakang). e-KYC dengan biometric wajah dan akhirnya isikan kata laluan (*password*).
3. Pemohon (pelajar) perlu mempunyai Akaun Simpanan Individu [12D]**Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).** Nombor akaun simpanan BIMB individu pemohon (pelajar) wajib diisi semasa membuat permohonan pinjaman PTPTN secara dalam talian.
4. Pemohon (pelajar) juga perlu mempunyai **akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN), PTPTN.** Nombor akaun SSPN PTPTN pemohon (pelajar) wajib diisi semasa membuat permohonan pinjaman PTPTN secara dalam talian. *Sekiranya tiada, pemohon (pelajar) boleh membuka **akaun** [15D]**SSPN Prime PTPTN**, dengan simpanan **minimum bernilai RM20.**

online

5. Semak jadual permohonan dan daftar permohonan pinjaman. **Mulakan permohonan** pinjaman PTPTN secara dalam talian dengan membeli [6D]**PIN PTPTN** (berharga RM5.00) di applikasi myPTPTN.
   Carian: Masukkan Nama Program IPT **"UNIVERSITI SELANGOR"** atau **"UNIVERSITI SELANGOR KAMPUS BESTARI JAYA"**
6. **Perhatian: Tarikh mula pengajian** bagi pilihan semasa permohonan pinjaman PTPTN adalah berdasarkan tarikh pemohon (pelajar) mula mendaftar iaitu merujuk kepada semester kemasukan seperti dinyatakan dalam **Surat Tawaran Pengajian dari UNISEL.**

   Pilihan tarikh mula pengajian adalah mengikut Semester April (1/5), Semester Ogos (1/9), **Semester November (1/12)** sepertimana dinyatakan dalam Surat Tawaran Pengajian dari UNISEL.

   - ✓ Surat tawaran rasmi kemasukan UNISEL yang terkini; ***SURAT TAWARAN BERSYARAT TIDAK BOLEH DIGUNAKAN**
   - ✓ Lengkapkan maklumat permohonan pinjaman, muat naik dokumen Surat Tawaran Pengajian dari UNISEL, dan **hantar permohonan pinjaman melalui applikasi web myPTPTN** menggunakan komputer desktop/riba sebelum tarikh tutup permohonan.

*Nota:

Pemohon perlu mengisikan maklumat ibu bapa sebagai penjaga sekiranya kedua-duanya atau salah seorangnya masih hidup.

Pemohon (pelajar) boleh terus lengkapkan permohonan **tanpa perlu mengisi** maklumat berkaitan **nombor kad pelajar/matrik dan kod eksekutif PTPTN.**

Pelajar semasa (senior/semester 2 dan ke atas) perlu memastikan surat tawaran adalah yang terkini seperti di dalam contoh rujukan dan panduan permohonan pinjaman PTPTN, sila berhubung dengan Pejabat Pemasaran dan Kemasukan Pelajar UNISEL sekiranya surat tawaran tidak sama seperti contoh tersebut.

MAKLUMAT LANJUT

https://tinyurl.com/32mvm75b



unisel
UNIVERSITI SELANGOR

Milik Penuh Kerajaan Negeri Selangor

TAKWIM
PINJAMAN PENDIDIKAN



Tarikh permohonan pinjaman PTPTN mengikut semester adalah seperti berikut :

SEMESTER APRIL

KELOMPOK	TARIKH PERMOHONAN	TARIKH KEPUTUSAN
1 Kelompok 1	01 – 30 April	08 Mei
2 Kelompok 2	01 – 31 Mei	08 Jun

SEMESTER OGOS

KELOMPOK	TARIKH PERMOHONAN	TARIKH KEPUTUSAN
1 Kelompok 1	01 – 31 Ogos	08 September
2 Kelompok 2	01 – 30 September	08 Oktober

SEMESTER NOVEMBER

KELOMPOK	TARIKH PERMOHONAN	TARIKH KEPUTUSAN
1 Kelompok 1	01 – 30 November	08 Disember
2 Kelompok 2	01 – 31 Disember	08 Januari

Pemohon yang telah mendapat surat tawaran pengajian di UNISEL boleh membuat permohonan pinjaman PTPTN secara dalam talian (*online*).

PTPTN CARELINE
03-2193 3000

Sila imbas 'QR' berikut untuk informasi permohonan dan penerimaan penghantaran pinjaman PTPTN bagi tindakan selanjutnya.

Sila hubungi talian berikut untuk sebarang pertanyaan:
Jabatan Bantuan Kewangan Pelajar (BKP) Universiti Selangor
Kampus Shah Alam
03-55223478/3479
Kampus Bestari Jaya
03-32805027/5026

UNIVERSITI SELANGOR
www.unisel.edu.my

JABATAN BANTUAN KEWANGAN PELAJAR

Contoh:

Surat Tawaran Rasmi Pengajian (sila pastikan butiran yang dimasukkan adalah sama dalam surat tawaran ini semasa permohonan)

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

www.unisel.edu.my

[redacted]

Saudara/Saudari,

TAWARAN PENGAJIAN DI UNIVERSITI SELANGOR BAGI PENGAMBILAN [redacted]

Tahniah! Permohonan anda untuk melanjutkan pengajian di Universiti Selangor (UNISEL) telah berjaya. Butiran program yang ditawarkan adalah seperti berikut:

PROGRAM PENGAJIAN	:	[redacted]
MOD PENGAJIAN	:	[redacted]
FAKULTI	:	[redacted]
KAMPUS PENGAJIAN	:	[redacted]
TEMPOH PENGAJIAN	:	[redacted]
YURAN KESELURUHAN PENGAJIAN	:	[redacted]

2. Maklumat pendaftaran / tarikh mula pengajian adalah seperti berikut:

TARIKH		[redacted]
MASA		[redacted]
TEMPAT		[redacted]
YURAN PENDAFTARAN		[redacted]

3. Untuk menerima tawaran ini, anda dimohon untuk:
   i. membuat bayaran Yuran Pendaftaran (R[redacted]0) dan melengkapkan **Pengesahan Penerimaan Tawaran** di pautan **https://apply.unisel.edu.my/new-apply?form=status**. Pengesahan penerimaan boleh dibuat sejurus menerima surat tawaran (rujuk lampiran Maklumat Yuran Pelajar Baharu);

   ii. memuat turun Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu *(New Student Registration Guidelines)* di pautan yang sama **https://apply.unisel.edu.my/new-apply?form=status**.

Penting : Tiada pemulangan bagi Yuran Pendaftaran & Wang Hemat Diri sekiranya calon/pelajar gagal mendaftar ATAU berhenti ATAU tidak lulus pengajian. Sila rujuk maklumat ini semasa anda membuat Pengesahan Polisi Pemulangan Yuran (Pelajar Tempatan).

4. Tawaran Kemasukan ini akan terbatal serta-merta sekiranya didapati maklumat permohonan tidak benar atau palsu atau tidak memenuhi syarat kelayakan masuk yang ditetapkan oleh pihak Universiti Selangor, Kementerian Pengajian Tinggi dan Agensi Kelayakan Malaysia.

5. Pihak Universiti berhak menukar tawaran pengajian atas sebab-sebab tertentu apabila sesebuah program akademik tidak boleh dijalankan (tertakluk kepada Polisi Pemulangan Yuran (Pelajar Tempatan)).

6. Untuk maklumat lanjut tentang prosedur kemasukan, hubungi pegawai kami di 03-55223435 / 3575.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

[redacted]

Pendaftar

CANSELERI

Kampus Shah Alam
• Jalan Zirkon A 7/A, Seksyen 7 ,40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel • +603 5522 3400

Kampus Bestari Jaya
• Jalan Timur Tambahan, 45600 Bestari Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel • +603 3280 5000 Website • www.unisel.edu.my

Milik Penuh Kerajaan Negeri Selangor
Wholly Owned By Selangor State Government

Pilihan tarikh mula pengajian dipilih adalah mengikut Semester April (1/5), Semester Ogos (1/9), **Semester November (1/12)** sepertimana di dalam Surat Tawaran Rasmi Pengajian dari UNISEL.